

PETIKAN TITAH

"DI SAMPING perkara ekonomi, lepasan graduan-graduan juga perlulah kaya dengan kualiti-kualiti rohaniah, termasuk semangat patriotik mencintai negara. Beta yakin, Universiti Brunei Darussalam akan



MANISNYA IMAN

"DAN bahawa sesungguhnya adalah amat salah perbuatan beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi diri dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan

R abu

14 September 2005
10 Syaaban 1426
Tahun 50 Bilangan 37

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Analisis](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Sepuluh Negara Satu Masyarakat](#)[Sudut Perkhidmatan Awam](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Pendidikan](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Iklan-iklan Tawaran Kerja](#)[Arkib](#)

TAHUKAH AWDA?

DENGAN pemindaan Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 pada bulan Jun 1992, Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan hukuman mati bagi memiliki dadah terkawal untuk pengedaran lebih daripada 15g Diamorphine (Heroin); 15g Morphine; 1,200g Opium; 500g Ganja; 200g Resin Ganja; 30g Kokain; atau 50g Methylamphetamine. Seksyen 15 Akta Penyalahgunaan Dadah memperuntukkan seseorang yang didapati memiliki beberapa jumlah dadah yang terkawal diandaikan sebagai menyeludup dadah terkawal jika didapati memiliki lebih daripada 2g Diamorphine (Heroin); 3g Morphine; 100g Opium; 15g Ganja; 10g Resin Ganja; 3g Kokain; atau 20g Methylamphetamine. - Sumber : www.narkotik.gov.bn/undang-undang.htm.

Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@brunei.gov.bn)

HALUAN



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Brunei Darussalam pada hari Selasa, 2 Syaaban 1426 bersamaan 6 September 2005 di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam, Tungku, Gadong.

UBD PERLU HASILKAN KAJIAN, PENYELIDIKAN BERTARAF TINGGI

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'Alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah Saya menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.

Dengan hati yang tulus, Saya mengucapkan tahniah kepada para graduan dan penerima-penerima sijil di majlis ini atas kejayaan mereka dalam pengajian masing-masing di UBD.

UBD telah hampir mencapai 20 tahun penubuhannya. Sepanjang tempoh tersebut, universiti ini telah berjalan dan berkembang dengan baikunya.

Namun dalam tempoh 20 tahun tersebut, kita tentu sahaja ingin mengetahui setakat manakah tahap pencapaian. Pencapaian yang Saya maksudkan itu ialah dari sudut-sudut kualiti para graduan, pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan universiti.

Saya ingin menyarankan, supaya penilaian dibuat berasaskan perbandingan dengan universiti-universiti yang terbaik di rantau ini serta juga di negara-negara maju.

Asas-asas penilaian, tentu sahaja bertolak dari kepimpinan yang berkaliber, staf akademik yang inovatif, mekanisme dan juga instrument yang tepat. Jika ini ada, maka tidaklah pelik sesebuah universiti pengajian tinggi itu akan menjadi terbilang, sekurang-kurangnya di dalam bidang yang ianya mempunyai 'comparative advantage'.

Kita adalah benar-benar berhasrat untuk melihat para graduan kita menjadi rebutan, disebabkan oleh tahap dan kualiti mereka yang tinggi, baik dari aspek kelulusan, kecekapan, kemahiran mahupun dari sudut daya pemikiran yang luas.

Tidak syak lagi, para graduan yang berkualiti adalah merupakan hasil usaha para akademik profesional serta iklim universiti yang kondusif ke arah itu.

Sudah tiba masanya bagi tenaga-tenaga akademik di UBD menghasilkan kajian atau penyelidikan mereka yang bertaraf tinggi, di samping terus mengunggakayahkan lain-lain kegiatan seperti penerbitan-penerbitan biasa.

Saya turut menyedari, bahawa seperti juga institusi-institusi ternama lainnya, UBD masih sahaja tidak terkecuali dari memerlukan kepakaran-kepakaran luar, khasnya di bidang-bidang yang kita belum lagi mempunyai tenaga-tenaga pakar tempatan. Namun begitu, ini tidaklah bererti akan menyekat jalan kita untuk menghasilkan sesuatu yang besar.

Peranan dan tugas universiti hendaklah relevan dengan aspirasi dan matlamat negara bagi jangka pendek mahupun jangka panjang. Ia tidak boleh lari dari memainkan peranan dalam proses sosioekonomi dan budaya. Ia mesti cepat bertindak selaku 'intellectual authority' bagi menjana pemikiran dan idea bernas dalam apa jua isu yang berkaitan dengan kebajikan negara.

Dalam makna, sikap berpuas hati dengan pencapaian biasa hendaklah dikikis. Universiti mestilah berkembang dalam perjalanannya meniti detik-detik usia yang terus meningkat.

Pada tahun lepas, Saya menyarankan mengenai penubuhan sebuah lagi institusi pengajian tinggi di negara ini. Sekarang biarlah Saya jelaskan bahawa institusi pengajian yang Saya maksudkan itu ialah sebuah 'Universiti Islam' tulen. Ia akan berfungsi untuk menampung keperluan-keperluan masa kini dan akan datang, di samping menjadi mercu tanda kegemilangan kepada negara.

Saya berharap, ianya akan segera difikirkan. Dan Saya juga yakin, bahawa dasarnya sudah pun ada, tinggal sahaja lagi bilakah saatnya untuk kita mengorak langkah.

Akhir kalam, Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua keluarga UBD, Naib Canselor yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis dan Senat Universiti, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan, di atas sumbangan dan perkhidmatan mereka yang tulus ikhlas. Semoga Allah jua yang akan memberkati serta mengurniakan ganjaran-Nya kepada mereka.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.